

Kursus jangka pendek pelabelan bagi peniaga

KUALA LUMPUR 1 Dis. — Semua peniaga kecil, peruncit dan penjaja akan diberi taklimat atau kursus jangka pendek mengenai pelabelan dan peraturan perniagaan, sebagai langkah meningkatkan kefahaman mereka mengenai akta-akta perniagaan dan pelabelan, bermula tahun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perkara itu perlu dilakukan memandangkan

masih ramai di kalangan peniaga khususnya peniaga kecil tidak memahami peraturan dan pelabelan harga.

“Hasil tinjauan mendapati, terdapat peniaga meletakkan label harga barangan dengan sekali rangkum, seperti RM2 hingga RM10. Ini adalah salah. Walau banyak macam mana pun barangan, mereka mesti meletakkan tanda harga pada setiap barangan.

“Mungkin mereka malas nak labelkan satu-satu tanda harga kerana

barangnya terlalu banyak, mereka letakkan dalam satu tanda harga. Bila saya kata tidak boleh berbuat demikian, mereka dakwa tidak tahu perbuatan itu salah,” katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas membuat lawatan pemeriksaan harga di Bazar Jualan Ramadan, Jalan Masjid India dan Lorong Tuan-ku Abdul Rahman di sini, hari ini.

Dalam perkembangan lain beliau memberitahu, pihaknya merampas li-

ma hamper hari raya di Lembah Klang yang didapati menyalahi peraturan di bawah Akta Kawalan Harga 1946.

“Empat hamper yang dirampas itu tiada senarai kandungan barangan dan sebuah lagi tiada tanda harga,” katanya.

Beliau berkata, syarat penjualan hamper ada tiga perkara iaitu peniaga perlu menyenaraikan setiap barangan yang dibungkus berserta harganya, tidak menjual barangan palsu dan barangan belum tarikh luput.